

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan kata penguat, kata bantu dan kata bilangan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Ruang bagi golongan remaja menceburi bidang keusahawanan ini amat luas. Bidang keusahawanan ialah bidang yang perlu diterokai oleh kebanyakan remaja. Remaja yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi juga boleh menceburi bidang keusahawanan walaupun masih bergelar pelajar. Dunia sekarang yang semakin moden dan sangat mencabar menuntut para remaja supaya berdikari dan berdaya kreatif. Keusahawanan dan perniagaan harus dijadikan satu daripada kerjaya pilihan dalam kalangan remaja supaya kebergantungan terhadap pasaran kerjaya makan gaji dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Jadilah Usahawan!'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,
Dewan Siswa, Bil. 7/2019

[6 markah]

Kesalahan dalam Arahan Soalan 1

Sepatutnya:senaraikan satu kata penguat, satu kata bantu dan satu kata bilangan.

Jawaban:

Soalan 1 - Morfologi

Kata penguat

Bil.	Jawapan contoh	Penjelasan
i.	<i>amat</i>	<i>Kata penguat bebas</i>
ii.	<i>sangat</i>	<i>Kata penguat bebas</i>
iii.	<i>semakin</i>	<i>Kata penguat hadapan</i>

Kata bantu

Bil.	Jawapan contoh	Maksud / makna kata
i.	<i>Perlu</i>	<i>Kata bantu ragam</i>
ii.	<i>Masih</i>	<i>Kata bantu ragam</i>
iii.	<i>boleh</i>	<i>Kata bantu ragam</i>
iv.	<i>harus</i>	<i>Kata bantu ragam</i>
v.	<i>dapat</i>	<i>Kata bantu ragam</i>

Kata bilangan

Bil.	Jawapan contoh	Penjelasan
i.	<i>kebanyakan</i>	<i>Kata bilangan tak tentu</i>
ii.	<i>para</i>	<i>Kata bilangan tak tentu</i>
iii.	<i>satu</i>	<i>Kata bilangan tentu</i>

[Maksimum : 6 markah]

Jawaban yang diberikan BETUL. Namun demikian, sepatutnya ditambah dalam peraturan pemarkahan bahawa pemeriksa hanya memberikan markah kepada SATU kata penguat, SATU kata bantu dan SATU kata bilangan yang betul sekiranya ada calon yang menyenaraikan lebih daripada satu untuk setiap kategori memandangkan terdapat kesilapan dalam arahan.

Selain itu, perlu juga ditegaskan bahawa sekiranya murid menyenaraikan satu kata penguat dan dua kata bantu. Maksimum markah hanya 4, iaitu 2 markah untuk kata yang betul dan 2 markah untuk ayat. Kata bantu tambahan berserta ayatnya tidak akan dinilai.

SOALAN 2

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat yang bergaris kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.*

Koronavirus (Covid-19) ialah penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus korona yang baru ditemui. Kes pertama yang dilaporkan pada Disember 2019 di Wuhan, China. Warga emas, kanak-kanak dan penghidap penyakit kritikal seperti masalah jantung, diabetes, masalah pernafasan yang kronik berisiko tinggi untuk terkena jangkitan. Covid-19 berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan. Apabila berada dalam jarak yang dekat dengan pesakit yang mempunyai simptom, transmisi zarah akan mudah berlaku apabila mulut dan hidung mereka terdedah. Oleh hal yang demikian, kita perlu mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan kebersihan diri untuk mengelakkan diri daripada jangkitan Covid-19.

Dipetik dan diubah suai daripada
Covid-19: Apa itu Covid-19, <https://sgs.upm.edu.my/artikel/>

[6 markah]

Jawaban:

Soalan 2 : Sintaksis

Bil	Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
<i>i.</i>	<i>Kes pertama yang dilaporkan pada Disember 2019 di Wuhan, China.</i>	<i>i. Pada Disember 2019 di Wuhan, China kes pertama dilaporkan</i> <i>ii. Di Wuhan, China kes pertama yang dilaporkan pada Disember 2019</i> <i>iii. Pada Disember 2019 kes pertama yang dilaporkan di Wuhan China</i>
<i>ii.</i>	<i>Warga emas, kanak-kanak dan penghidap penyakit kritikal seperti masalah jantung, diabetes, masalah pernafasan yang kronik berisiko tinggi untuk terkena jangkitan.</i>	<i>Berisiko tinggi untuk terkena jangkitan warga emas, kanak-kanak dan penghidap penyakit kritikal seperti masalah jantung, diabetes, masalah pernafasan yang kronik</i>
<i>iii.</i>	<i>Covid-19 berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan.</i>	<i>Berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan Covid-19.</i>


[Maksimum : 6 markah]


Semua jawapan yang diberikan ini BETUL.

Kesalahan kecil pada jawapan (ii) ejaan “Disember” dan (iii) Wuhan China (tiada koma “,”)

SOALAN 3 P: Penyuntingan

Bahan 1





PENDERMA DARAH
Anda layak menderma darah

Sihat tubuh badan:
Berumur **[redacted]** 8
hingga 60 tahun untuk
[redacted] nderma.
Remaja berumur 17 tahun
perlu mendapatkan
kebenaran bertulis daripada
[redacted] au penjaga

Berat badan 45 kg ke atas

Tidur m **[redacted]** m

Sepatutnya
ditambah kata
hubung **“yang”**
selepas **“untuk”**

[redacted] berakhir
[redacted] lepas

Tiada masalah kesihatan

Telah mengambil
makanan sebelum
menderma darah

Bagi penderma wanita:

- Tidak datang haid
- Tidak mengandung
- Tidak menyusukan anak

Jawaban yang diberikan dalam skema TIDAK ada kesalahan “pertama kali”

Bahan 1

Bil	Kesalahan bahasa	Pembetulan
i.	kreteria	kriteria
ii.	di antara	antara
iii.	ibubapa	ibu bapa
iv.	minima	minimum
v.	penderma	pendermaan

[Maksimum : 5 markah]

Perlu ditambah :

vi. pertama kali kali pertama

(Cadangan: Pemeriksa memberikan markah untuk mana-mana 5 jawapan yang betul)

Bahan 2

Kerjaya doktor merupakan kerjaya yang prestij dan menjadi pilihan kebanyakan kanak-kanak di negara kita. Untuk melayakkan anda menjadi seorang doktor, anda perlu mengikuti latihan khusus dan mendapatkan sijil atau pentauliahan perubatan, seperti contohnya Mailis Perubatan Malaysia, di samping sijil kedoktoran daripada mana-mana universiti yang disahkan oleh kerajaan. Doktor dibahagikan kepada beberapa bahagian, antaranya doktor am, doktor pakar, doktor bedah dan doktor gigi. Kemahiran yang perlu ada kepada seorang doktor ialah mereka perlu mahir mendiagnosis dan membuat keputusan yang tepat terhadap penyakit seseorang. Oleh hal yang demikian, doktor perlulah peka dan mengambil berat terhadap pesakit.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Info dan Laluan Kerjaya Doktor' daripada <https://careercube.com.my/>

[6 markah]

Bil	Kesalahan Bahasa	Pembetulan	Catatan (untuk guru)
i	professional	profesional	-
ii	melayakan	melayakkan	-
iii	seperti contohnya	seperti / contohnya	Pilih mana-mana SATU
iv	disahkan	diiktiraf	Tidak terima "diiktirafkan" kerana tidak wujud dalam Kamus Dewan
v	di bahagikan	dibahagikan	-
vi	bahagian	kategori/ jenis	Pilih mana-mana SATU
vii	ada kepada	ada pada	Dicadangkan cara penulisan jawapan mestilah ditulis bersama-sama dengan perkataan "ada" untuk mengelakkan kekeliruan. Dalam petikan ada lebih daripada SATU "kepada". Guru mesti mengajar murid tentang perkara ini.
viii	terhadap keadaan	tentang keadaan	Kata sendi nama "terhadap" diikuti kata nama konkrit manakala "tentang" diikuti kata nama abstrak. Dalam konteks ini, "keadaan" bersifat abstrak. Maka, kata sendi nama yang tepat ialah "tentang".

(Cadangan: Pemeriksa memberikan markah untuk mana-mana 6 jawapan yang betul)

SOALAN 4

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Lalu, berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Di dalam hati baginda, “Tun Perak ini tidak sepatutnya menjadi bentara lagi, sepatutnya menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar oleh baginda Paduka Raja, diminta duduk di seri balai sama kedudukannya/ setara dengan Seri Nara Diraja. Lalu Paduka Raja pun naik dan duduk di sebelah Seri Nara Diraja di seri balai, lalu Seri Nara Diraja bergerak sedikit/berkisar ke tengah.

[Maksimum : 6 markah]

Jawaban yang berikut (MINIMUM) juga diterima dan LAYAK memperoleh markah MAKSIMUM:

Berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. (Gugurkan “Syahadan, maka”)

Pada pendapat (**hati pendapat**) baginda, “Tun Perak ini tidaklah patut **menjadi** bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara **dengan** Seri Nara Diraja. Paduka Raja pun naiklah duduk dekat **dengan** Seri Nara Diraja di seri balai, Seri Nara Diraja berkisar/bergerak/beralih ke tengah.

(“digelar” tidak semestinya diikuti “oleh”, “disuruh” tidak semestinya ditukar kepada “diminta”; “Maka” tidak wajib digantikan dengan “lalu”)

SOALAN 5 – PERIBAHASA – Tiada masalah dengan soalan dan jawapan yang diberikan.